

Pensyarah FKAL bantu tingkatkan imej UMSKAL

NST 8.11.2014 10

LABUAN: Pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) diminta membantu meningkatkan imej UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) terutama yang membabitkan pengajaran dan pembelajaran.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik membuat seruan itu ketika mengadakan perbincangan dengan pensyarah FKAL di Bilik Mesyuarat Eksekutif, Aras 11, Bangunan Menara, kelmarin.

Katanya, beliau mahu prasarana di universiti itu termasuk kemudahan di bilik kuliah, bahan ilmiah, bilik pensyarah dan kemudahan internet berada dalam keadaan yang memuaskan.

“Pengurusan universiti



PERBINCANGAN ... Dr Murnizam (tiga kiri) mengadakan perbincangan dengan pensyarah Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan.

akan meningkatkan kemudahan dan infrastruktur yang membabitkan pensyarah dan pelajar FKAL,” katanya.

Dekan FKAL, Prof Madya Dr Syed Nasirin bersama timbalan-timbalan dekan,

Dr Lee Hock Ann dan Dr Sudzin Lada mengetui pertemuan yang berlangsung satu jam itu. -OLEH JAIN-UDIN DJIMIN (jain-udin@newsabah-times.com.my)